

BAB

12

RUMUSAN

RUMUSAN

Berdasarkan input daripada pihak kerajaan negeri, terdapat sejumlah 17,571 buah kampung di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan. DPF Desa Negara 2030 yang disediakan di dalam Fasa 1 ini telah mengenal pasti sebanyak 15,901 buah kampung beserta lokasi spatial dan baki sebanyak 2,480 buah kampung akan dikenal pasti di Fasa 2 (bersekali dengan kampung-kampung di Negeri Sabah dan Sarawak).

Penilaian tahap pencapaian DPF Desa Negara akan dilaksanakan pada tahun 2019 iaitu setelah dua tahun dasar ini diguna pakai. Beberapa program sebaran mengenai langkah-langkah penggunaan DPF Desa Negara dan kaedah penilaian akan dijalankan bagi meningkatkan pemahaman agensi dan pihak yang terlibat. Ini meliputi agensi dari pelbagai pihak di peringkat persekutuan, negeri, daerah dan tempatan.

Berdasarkan keseluruhan cadangan DPF Desa Negara, terdapat lima projek yang perlu dijalankan segera dan mengukuhkan pengurusan dan pentadbiran desa adalah:

1. Persempadan kampung
2. Pengukuhan pekan
3. Penyediaan peta aset kampung
4. Mengukuhkan penyediaan kemudahan awam
5. Menambah baik kemudahan fizikal kampung seperti jalan masuk, jalan dalam, elektrik dan air.

CHARMs yang disediakan bersama DPF Desa Negara juga memainkan peranan utama dalam mengukuhkan pengurusan desa. Melalui CHARMs tahap kemampanan kampung dapat diukur dan memudahkan pihak Kerajaan Negeri menyediakan perancangan penambahbaikan terhadap keadaan fizikal, sosial dan ekonomi sesebuah kampung. Ini penting bagi memastikan semua kemudahan disediakan mengikut keperluan sebenar dan potensi kampung dibangunkan sepenuhnya bagi memberi impak positif kepada penduduk desa. Penyediaan DPF Desa Negara ini juga mampu menyokong pencapaian aspirasi kerajaan yang juga selaras dengan visi **Desa Sejahtera, Negara Sejahtera**.





Suasana desa yang berdaya huni dan berdaya tahan